

03 SEP 2001

DR MAHATHIR MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini mempengerusikan mesyuarat bulanan majlis tertinggi Umno di ibu pejabat parti, di sini.

Turut bersama Perdana Menteri di mesyuarat itu ialah timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga timbalan presiden parti dan tiga naib presiden iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib serta Setiausaha Agung parti Tan Sri Khalil Yaakob.

Kebanyakan daripada anggota-anggota Majlis Tertinggi Umno juga menghadiri mesyuarat itu yang bermula pada pukul 3 petang.

-- BERNAMA

SR NZ PR